

26/01/2002

40 peratus lesen penjaja dikuasai warga Indon (HL)

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kira-kira 40 peratus daripada 35,000 lesen penjaja di Lembah Klang dikuasai pendatang asing, terutama dari Indonesia, yang membeli atau menyewanya daripada rakyat tempatan.

Malah, ada rakyat tempatan menjual lesen dan tapak penjaja kepada pendatang Indonesia sehingga RM50,000 satu, sebelum mereka diambil bekerja di situ dengan gaji kira-kira RM1,500 sebulan.

Langkah peniaga warga Indonesia mengambil pemilik lesen bekerja bertujuan mengabui mata pegawai penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang melakukan pemeriksaan atau serbuan.

Apabila serbuan dibuat, pemilik asal tapak penjaja tampil mengakui dia mengusahakan gerai berkenaan dan mendakwa pendatang asing terbabit adalah pekerjanya.

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Pekedai Bumiputera Wilayah Persekutuan, Mithlan Samijoo, berkata perkara itu sudah lama berlaku termasuk di kalangan ahli persatuan itu sendiri.

Katanya, sesetengah penjaja tempatan juga menyewakan tapak mereka kepada warga asing pada kadar RM2,000 hingga RM3,000 sebulan dan mereka kemudian bekerja dengan penyewa tapak itu.

"Warga asing yang membeli atau menyewa tapak itu secara perlahan-lahan `membunuh perniagaan' penjaja tempatan bersebelahan, sebelum mereka membeli tapak itu pula.

"Mereka lakukan ini dengan menjual makanan dan minuman pada harga lebih murah. Mereka boleh berbuat demikian kerana kos operasi rendah disebabkan kebanyakan tenaga kerjanya juga rakyat asing yang dibayar upah rendah," katanya kepada Berita Harian.

Semalam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan, pihak berkuasa akan melancarkan operasi pembersihan di kawasan penjaja sekitar Lembah Klang, terutama di Chow Kit, bagi memastikan tiada lagi rakyat Indonesia berniaga secara haram di situ.

Perdana Menteri berkata, kawasan itu serta pusat penjaja lain adalah khusus untuk peniaga tempatan tetapi kini dikuasai penjaja rakyat asing. Masalah timbul kerana peniaga tempatan yang mendapat lesen dan tempat berniaga menjualnya kepada pendatang Indonesia.

Mithlan berkata, kadar upah kepada rakyat tempatan yang tinggi menyukarkan peniaga tempatan bersaing dengan pendatang asing.

Beliau memberi contoh, tukang masak tempatan perlu dibayar upah antara RM50 ke RM60 sehari berbanding tukang masak asing yang hanya perlu dibayar gaji antara RM400 ke RM500 sebulan.

Pembuat air warga tempatan dibayar antara RM40 hingga RM45 sehari, pekerja lain seperti tukang basuh dan pelayan tempatan dibayar gaji RM30 sehari.

Beliau menyokong hasrat kerajaan untuk melancarkan operasi pembersihan di kawasan penjaja bagi memastikan tidak ada lagi rakyat asing berniaga secara haram.

"Persatuan sendiri sudah banyak kali mengemukakan aduan kepada DBKL. Malangnya, apabila pegawai penguat kuasa DBKL membuat serbuan, pemilik asal yang sudah menjadi pekerja di situ tampil mengaku itu adalah gerai mereka dan pendatang asing hanyalah pekerja.

"Sikap penjaja terbabit amat tidak bertanggungjawab dan boleh dianggap sebagai pengkhianat. Mereka menyalahgunakan keistimewaan diberikan kerajaan. Dengan hanya membayar lesen RM12 sebulan, mereka mengaut untung

berlipat ganda dengan menyewa/menjual kepada pendatang," katanya.

Mithlan menyarankan DBKL menguatkuasakan sepenuhnya Undang-Undang Kecil Bandaraya Kuala Lumpur yang tidak membenarkan sektor penjaja mengambil pendatang asing.

Katanya, tindakan tegas perlu diambil terhadap penjaja tempatan termasuk menarik balik lesen dan menyenaraihitamkan mereka agar kes menjual atau menyewa tapak kepada rakyat asing dapat dibendung.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek, tidak dapat dihubungi untuk mengulas perkara itu.

Pegawai Khas Ketua Pengarah DBKL, Anwar Mohd Zain, ketika dihubungi berkata, Ketua Pengarah, Datuk Ruslin Hassan enggan mengulas.

(END)